

Malaysia bantu Sierra Leone wujud skim tanah 'ala Felda' - PM

SUBANG 16 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia sedia membantu negara Sierra Leone untuk wujudkan skim tanah 'ala Felda' dengan tanaman kelapa sawit.

Perdana Menteri berkata, skim tanaman kelapa sawit itu akan melibatkan kawasan seluas 1,600 hektar.

Beliau berkata, langkah Malaysia itu bertujuan membantu meningkatkan taraf hidup golongan miskin di negara berkenaan.

"Kita sedia membangunkan sebuah

tanah 'ala Felda' di Sierra Leone seluas 1,600 hektar. Ia akan ditanam dengan kelapa sawit bagi membantu golongan miskin di negara tersebut," katanya.

Abdullah berkata demikian pada sidang akhbar setibanya dari mengerjakan umrah di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), hari ini.

Abdullah tiba di Pangkalan TUDM pada pukul 2.50 petang setelah mengerjakan umrah di Mekah selama lima hari.

Pemergian beliau ke Mekah turut diiringi ahli-ahli keluarga terdekat.

Semasa mengerjakan umrah, Abdullah turut menerima kunjungan Presiden Gabenor Bank Pembangunan Islam (IDB), Dr. Ahmad Mohamed Ali.

Pada pertemuan itu, perbincangan Abdullah dan Ahmad meliputi rancangan Malaysia untuk membangunkan tanah 'ala Felda' di Sierra Leone dengan tanaman kelapa sawit.

Selain itu, Perdana Menteri turut menerima kunjungan Presiden Dewan Per-

niagaan dan Industri Islam (ICCI), Saleh Kamel.

"Pada pertemuan itu, kami membincangkan mengenai cadangan untuk menubuhkan Organisasi Zakat Antarabangsa.

"Pada 20 November ini, satu persidangan mengenainya akan diadakan di Kuala Lumpur. Satu kertas kerja akan dibentangkan mengenai pepubuhan organisasi zakat ini.

"Penubuhannya dicadangkan di Kuala Lumpur," jelasnya.